



## SYARAT PELESENAN PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

1. Lesen hendaklah dipamerkan pada sepanjang masa di tempat yang mudah dilihat di dalam premis dan hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa melesen jika dikehendaki;
2. Pelesen adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976; Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan (MDSB) 2007; Undang-undang Kecil Iklan (MDSB) 2007; Undang-undang Kecil Sampah (MDSB) 1983 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam dan pihak berkuasa yang lain dari semasa ke semasa;
3. Pelesen hendaklah mengadakan daftar pekerja dan kakitangan yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, kewarganegaraan, alamat kediaman, jantina, kelayakan, gambar dan lain-lain maklumat yang berkaitan;
4. Pelesen hendaklah mengadakan daftar pelanggan yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, kewarganegaraan, alamat kediaman, tarikh serta masa rawatan dan lain-lain maklumat yang berkaitan;
5. Setiap pekerja hendaklah memakai pakaian seragam yang dibekalkan oleh pelesen semasa memberikan rawatan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Tidak dibenarkan berpakaian secara tidak sopan di dalam premis perniagaan;
6. Setiap pekerja yang memberikan rawatan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan setiap enam bulan sekali atau pada bila-bila masa diarahkan oleh Pegawai Kesihatan;
7. Pelesen dilarang dari menyekat keseluruhan ruang atau tempat rawatan atau urutan di dalam premis. Bagi tujuan pengasingan ruang atau katil; dibenarkan memasang langsir tidak melebihi dua (2) meter tinggi daripada lantai dengan pintu ayun yang tidak boleh dikunci. Ruang kosong diantara lantai dan bahagian bawah langsir mestilah tidak kurang daripada 25 sentimeter;
8. Kebersihan premis hendaklah sentiasa dipelihara. Semua tandas, pam, tempat buang air kecil dan kelengkapan serta sistem saliran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan boleh digunakan;
9. Pelesen hendaklah menyediakan tong sampah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Sisa-sisa buangan dan sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg atau karung plastik serta diikat kemas sebelum di masukkan ke dalam tong sampah bagi memudahkan proses pembuangan;
10. Pelesen dan pekerja hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri serta pakaian; memastikan semua peralatan dalam keadaan baik dan sentiasa menggunakan air bersih; yang disambung terus daripada bekalan air awam untuk membasuh peralatan;
11. Pelesen hendaklah menyediakan peralatan memadam kebakaran yang mencukupi dan telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
12. Pelesen dilarang mengunci pintu masuk premis yang diliputi cermin telus bagi satu per empat (1/4) daripada permukaannya sewaktu perniagaan dijalankan. Setiap ruang di dalam premis termasuk tangga, laluan dan jalan keluar hendaklah bebas daripada halangan serta mendapat pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang mencukupi;
13. Pelesen dilarang daripada m
14. elakukan aktiviti kurang sihat/tidak sopan seperti perjudian, salah guna dadah, pelacuran, hiburan dan lain-lain yang berkaitan yang boleh menyebabkan kacauganggu kepada masyarakat setempat;
15. Pelesen dilarang daripada mengambil bekerja mana-mana orang yang dipercayai seorang pelacur atau seorang yang berkelakuan buruk. Pekerja mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan bagi pekerja refleksologi mestilah berumur dua puluh satu (21) tahun ke atas; dan
16. Pelesen hendaklah mematuhi dan syarat-syarat tambahan yang dikenakan mengikut justifikasi pihak Majlis Daerah Sabak Bernam dari semasa ke semasa.